

Pengaruh bahasa Parsi di alam Melayu

ALAM Melayu pada zaman dahulu terkenal sebagai sebuah pusat pelabuhan perdagangan maritim yang penting dalam sejarah perkapalan dunia. Ia menjadi tumpuan dan idaman pelbagai kuasa besar dunia ketika itu seperti India, Siam, China dan Barat.

Kawasan yang terkenal sebagai pusat perdagangan seperti Melaka mencatatkan kemasukan kapal ke pelabuhan sebanyak 2,000 buah sehari. Direkodkan bahawa di Melaka pada abad ke-15 terdapat penggunaan pelbagai bahasa melebihi 80 jenis bahasa masyarakat dunia.

Bahasa yang digunakan ini semestinya turut mempunyai tulisan dan pengaruh tersendiri dalam kehidupan dan budaya penulisan masyarakat yang tinggal di alam Melayu.

Bahasa Arab adalah satu daripadanya yang diketahui digunakan di alam Melayu sejak abad ke-13 dan sangat sinonim dengan Islam.

Selain daripada bahasa Arab yang diterima dan dikuasai golongan alim ulama alam Melayu, terdapat satu lagi bahasa yang baru dikenal pasti dan dibuktikan sebagai bahasa manuskrip di alam Melayu.

Bahasa tersebut ialah bahasa Parsi. Penyelidikan tentang bahasa Parsi di alam Melayu telah dilakukan oleh Profesor Andrew Peacock dari Universiti St. Andrew di United Kingdom.

Kewujudan bahasa Parsi yang digunakan di alam Melayu dikesan daripada rekod catatan

Kesenian islam



Oleh **DR. ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA**

Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
rosmahwati@ukm.edu.my

Ibn Battutah, Tom Pires, batu nisan, prasasti abad ke-15 dan beberapa keping surat seawal abad ke-16.

Catatan Tom Pires:

● Beliau menyatakan tentang kehadiran seramai 4,000 masyarakat pedagang dari wilayah Timur Tengah dan India di Melaka pada abad ke-16.

Ibn Battutah:

● Terdapat dua orang pegawai Parsi di istana Pasai ketika beliau sampai di Pasai dalam abad ke-14.

● Bahasa Parsi bukan sahaja dituturkan tetapi turut digunakan sebagai medium surat menyurat kepada kuasa Barat seperti Portugis dan Inggeris.

● Syarikat Hindia Timur Inggeris menggunakan bahasa Parsi sebagai antara bahasa utama dalam operasi mereka di Asia.

Bahasa Parsi yang digunakan di alam Melayu memperlihatkan masa penggunaan yang lama dan agak sebatian dengan masyarakat kerana bahasa Parsi dan bahasa Melayu telah saling mempengaruhi.

Dari sudut bahasa Parsi yang digunakan, ia telah mengalami sedikit percampuran dan dipengaruhi gaya bahasa Melayu, manakala dari sudut bahasa Melayu, perkataan-perkataan bahasa Parsi telah diserap dan



ANDREW PEACOCK, pakar Pengajian Timur Tengah dan Sejarah Islam, Universiti St. Andrew, United Kingdom.

digunakan dalam karya Melayu klasik selain daripada kata pinjam bahasa Parsi yang digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu seperti istana, nama, pahlawan, gandum dan ustaz.

Sebagai kesimpulannya, evolusi bahasa Parsi di alam Melayu dari segi gaya penulisan dan ejaan serta pengaruhnya dalam bahasa Melayu memperlihatkan beberapa perkara

penting tentang kedudukan bahasa Parsi dalam kehidupan masyarakat alam Melayu. Pada zaman itu terdapat jumlah penutur yang menggunakan bahasa Parsi agak ramai di alam Melayu sehingga sebelum abad ke-20.

Faktor perdagangan dan penghijrahan adalah antara faktor yang kuat dalam perkembangan dan kepupusan bahasa Parsi di alam Melayu.

Pembentangan hasil penyelidikan Andrew Peacock ini berlangsung di Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM pada 28 Mac 2018.

INFO

Semasa kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan pada abad ke-15 mencatatkan kemasukan kapal ke pelabuhan sebanyak 2,000 buah sehari.

Terdapat lebih 80 bahasa dunia dituturkan pada masa itu.

Selain bahasa Arab yang digunakan secara meluas, bahasa Parsi turut mempunyai pengaruh tersendiri.

Penggunaan bahasa Parsi yang digunakan di alam Melayu dikesan daripada rekod catatan Ibn Battutah, Tom Pires, batu nisan, prasasti abad ke-15 dan beberapa keping surat seawal abad ke-16.

Antara kata pinjam bahasa Parsi ialah istana, nama, pahlawan, gandum dan ustaz.



ANTARA surat dalam bahasa Parsi yang ditulis oleh Teuku Muda Muhammad Sa'at kepada Francis Light berkenaan dengan perniagaan buah pinang di Pulau Pinang.

SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai pembentangan penyelidikan Andrew Peacock di UKM Bangi, Selangor, baru-baru ini.

